

SIARAN MEDIA  
Kuala Lumpur, 18 Januari 2011

## ULASAN TAHUNAN KHAZANAH KETUJUH 2011

### Portfolio pelaburan Khazanah catat peningkatan tertinggi RM21bn pada 2010

- *Prestasi Kewangan Terbaik semenjak penubuhan:*
  - *Portfolio Nilai Aset Boleh Direalisasikan (RAV) dan Nilai Bersih Diselaraskan (NWA) masing-masing menokok RM21bn kepada RM112.6bn (+23.5%) dan RM75.0bn (+39.4%)*
  - *NWA meningkat RM41.7bn atau 125% sejak Mei 2004, Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (CAGR) 13% setahun*
  - *Prestasi portfolio mengatasi KLCI serta tanda aras serantau yang lain pada 2010.*
- *Tahun yang mencatatkan pelbagai pencapaian dari segi transaksi utama serta kemajuan ketara dalam pelaksanaan mandat strategik*
- *Tumpuan pada 2011 adalah pada Pelaksanaan dan Penginstitusian*

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) pada hari ini membentangkan kemajuan ketara dari segi prestasi kewangan dan juga strategik bagi 2010 di Ulasan Tahunan Khazanah Ketujuh 2011 (“KAR 2011”). Ulasan tersebut turut menggambarkan prospek serta tumpuan Khazanah pada 2011.

Berikut adalah beberapa pencapaian utama Khazanah pada 2010:

#### 1. PRESTASI KEWANGAN 2010

Tahun 2010 merupakan tahun yang padat dengan peristiwa dan pencapaian kewangan<sup>1</sup> yang menyaksikan Khazanah mencatatkan pencapaian terbaiknya dalam kesemua petunjuk kewangan dan portfolio pelaburan penting.

Antara pencapaian utama Khazanah pada 2010 adalah seperti berikut:

- **Portfolio pelaburan** meningkat secara ketara dengan **RAV** meningkat **RM21.4bn** atau **23.5%** tahun-ke-tahun kepada **RM112.6bn** setakat 31 Disember 2010 (31 Disember 2009: RM91.2bn). **NWA**<sup>2</sup> menokok **RM21.2bn** atau **39.4%** kepada **RM75bn** (31 Disember 2009: RM53.8bn).
- Dibandingkan ketika bermulanya program transformasi Khazanah pada 14 Mei 2004, RAV dan NWA telah **meningkat lebih sekali ganda**, masing-masing kepada **121.2%** dan **125.2%** (14 Mei 2004: RAV RM50.9bn, NWA RM33.3bn). NWA mencatatkan peningkatan Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (“CAGR”) sebanyak 13.0% bagi tempoh sehingga 31 Disember 2010.

<sup>1</sup> Lampiran 1 memaparkan pencapaian serta peristiwa penting yang berlaku sepanjang 2010

<sup>2</sup> Nilai Bersih Disesuaikan ditafsirkan sebagai as RAV ditolak Jumlah Liabiliti dan disesuaikan bagi tujuan suntikan ekuiti selepas ditolak dividen dibayar.



- Peningkatan NWA sebanyak 39.4% serta Jumlah Pulangan Kepada Pemegang Saham (“TSR”) syarikat portfolio Khazanah yang tersenarai bagi 2010 yang berada pada **33.4%** mengatasi TSR yang dicatatkan oleh KLCI yang berada pada 23.3%.
- Kombinasi nilai aset yang terus meningkat serta kedudukan liabiliti yang stabil dan berhemah menyumbang kepada kedudukan kewangan yang lebih kukuh, dengan jumlah aset berbanding liabiliti mengukuh kepada **2.9 kali** setakat 31 Disember 2010 (2009: 2.4 kali)
- Kedudukan keseluruhan pelaburan bersih berada pada tahap neutral pada 2010 dengan jumlah pelaburan yang dicatatkan adalah **RM6.5bn** (melalui 12 transaksi) sementara jumlah pelupusan pula adalah **RM6.2bn** (melalui tujuh transaksi). Keseluruhan pelupusan yang telah dilakukan menghasilkan keuntungan berjumlah RM3.5bn.
- Tahun 2010 turut menyaksikan beberapa **transaksi pelaburan serta pembiayaan penting** dilaksanakan yang telah menghasilkan beberapa pencapaian ketara buat Khazanah. Antaranya termasuk:
  - Pengambilalihan Parkway Holdings bernilai SGD3.4bn (RM8.1bn) yang dibiayai melalui penerbitan sukuk terbesar buat Khazanah setakat ini, melibatkan sukuk berjangka masa lima dan 10 tahun berjumlah SGD1.5bn (RM3.6bn).
  - Penswastaan Astro All Asia Networks plc bernilai RM8.5bn dengan kerjasama Usaha Tegas.
  - Kerjasama dengan sektor swasta bukan GLC untuk membangunkan Teluk Datai, Langkawi dengan komitmen pelaburan bernilai lebih RM1bn.
  - Pelaburan 5% dalam pembangunan lestari bernilai GBP1.86 juta (RM9.1 juta) ke dalam Camco International dan usaha sama bernilai USD30 juta (RM92.7 juta) untuk mewujudkan Camco South-East Asia, yang akan menumpukan kepada pelaburan dalam projek-projek berkaitan tenaga mesra alam.
- Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, Khazanah telah meneruskan **program pelupusan secara beransur-ansur** atas beberapa pegangan serta aset tidak teras. Sepanjang 2010, Khazanah telah menjual atau mengurangkan pegangannya dalam Malaysia Airports Holdings Berhad, Telekom Malaysia Berhad (“TM”), DRB-Hicom dan CIMB Group Berhad. Di samping itu juga, Khazanah telah mengumumkan atau kini dalam proses untuk melupuskan pegangannya dalam EON Capital Berhad, PLUS Expressways Berhad dan POS Malaysia Berhad.

## **2. PRESTASI DAN OPERASI STRATEGIK**

Dari segi inisiatif strategik dan operasi, beberapa pencapaian utama telah dicatatkan sepanjang 2010, khususnya dalam pelaksanaan beberapa buah program seperti **Program Transformasi GLC**, usaha penyerantauan GLC dan Iskandar Malaysia serta pelbagai inisiatif bagi menyokong program transformasi peringkat nasional di bawah Model Ekonomi Baru (“MEB”).

- Di bawah program GLCT yang kini memasuki tahun keenam, GLC kini kembali ke landasan pertumbuhan setelah mempamerkan daya tahan masing-masing sepanjang Krisis Kewangan Global yang melanda pada 2008/ 2009. Pendapatan agregat G-20<sup>3</sup> pada 2010 dijangka akan menghampiri tahap tertinggi sebelum ini iaitu RM19.3bn yang dicatatkan pada 2007. Permodalan pasaran G-20 pula berada pada tahap tertinggi pada **RM343bn** setakat 31 Disember 2010. G-20 turut mencatatkan peningkatan dari segi TSR sebanyak **16.3%**, mengatasi KLCI sebanyak **2.2%** setahun. Sementara itu, sembilan daripada syarikat Khazanah di bawah G-20 telah mencatatkan TSR sebanyak **17.4%** setahun mengatasi KLCI sebanyak **3.4%** setahun.
- Tahun 2010 turut menyaksikan **perkongsian usahasama** antara Khazanah dengan syarikat-syarikat swasta serta GLC di bawah Khazanah dengan syarikat-syarikat bukan GLC diteruskan. Antaranya termasuk pembangunan Teluk Datai Resorts; penswastaaan Astro; pengambilalihan Sunrise Berhad oleh UEM Land Holdings Berhad; pembidaan bersama UEM dan KWSP untuk mengambil alih PLUS Expressways, dan terkini, pelantar terbuka jalur lebar nasional milik TM serta penandatanganan perjanjian akses 10 tahun dengan Maxis Berhad.
- Iskandar Malaysia terus mencatatkan kemajuan dengan komitmen pelaburan terkumpul menokok kepada **RM64bn** pada 2010 (2009: RM56bn). Lebih ketara, 42% daripada keseluruhan komitmen pelaburan kini berada pada tahap pelaksanaan. Khazanah terus menjadi penggerak utama aktiviti pelaburan melalui pelaburan dan pembangunan langsungnya yang dilakukan oleh dua buah anak syarikatnya, Iskandar Investment Berhad dan UEM Land.
- Semasa pelancaran **MEB** pada Mac 2010, Khazanah selaku sekretariat Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (“PCG”) telah mengumumkan **lima peranan utama** yang ditetapkan buat GLC dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), seperti berikut;
  - Meneruskan usaha penambahbaikan di bawah Program Transformasi GLC (“GLCT”) yang mengambil masa 10 tahun.
  - Melipatgandakan usaha untuk melahirkan GLC yang bertaraf jaguh serantau.
  - Mempelopori pelaburan dalam ekonomi baru serta sektor berteraskan ilmu, selari dengan MEB.
  - Gandingan usahasama dan pelaburan bersama antara GLC dan bukan-GLC, di peringkat tempatan dan antarabangsa.
  - Meneruskan tumpuan pada bidang operasi teras di medan persaingan yang lebih adil dan saksama serta melupuskan pegangan dalam aset yang tidak teras dan tidak kompetitif.
- Khazanah serta syarikat-syarikat yang dikuasainya terus menyumbang secara ketara kepada pelbagai **inisiatif transformasi peringkat nasional** termasuk kerja-kerja di peringkat awal pengenalan Pemandu dan Program Transformasi Kerajaan (“GTP”) serta sembilan daripada 12 Bidang Keberhasilan Utama (“NKEA”) di bawah Program Transformasi Ekonomi (“ETP”).

---

<sup>3</sup> Kumpulan 20 buah GLC yang dikuasai GLIC di bawah naungan PCG. Kini, G-20 terdiri daripada 19 buah GLC selepas penggabungan Sime Darby dan pemisahan TM/ Axiata. UEM Group telah mengambil alih tempat UEM World setelah penstrukturan semula UEM.



- Inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh Khazanah berkaitan **tanggungjawab korporat, pembangunan modal insan** dan aktiviti **pembangunan ilmu** terus turut menjadi pengisian sepanjang 2010<sup>4</sup>. Di samping program-program sedia ada di bawah Yayasan Khazanah; pengambilan sekolah angkat di bawah Yayasan PINTAR, peningkatan taraf hidup golongan berpendapatan rendah di bawah Yayasan Sejahtera, meningkatkan kemahiran siswazah di bawah program Skim Pengurusan Nilai Siswazah (“GEMS”), dua lagi program baru telah dilancarkan pada 2010. Kedua-dua inisiatif tersebut peningkatan sistem pendidikan iaitu Rangkaian Sekolah Amanah di bawah Yayasan Amir dan *Teach For Malaysia*. Di samping itu juga, kerja-kerja berkaitan pembangunan ilmu diteruskan di bawah acara tahunan anjuran Khazanah iaitu siri syarahan *Khazanah Global Lectures* dan *Khazanah Megatrends Forum*.

### 3. TINJAUAN DAN FOKUS PADA 2011

Tumpuan Khazanah pada 2011 adalah pada pelaksanaan dan penginstitusian di bawah tiga bidang utama:

- **Mewujudkan Nilai Portfolio Kewangan:** Khazanah akan terus berusaha untuk mewujudkan nilai di syarikat-syarikat miliknya dengan pelbagai inisiatif yang sedia dijalankan, melalui Pemantauan & Pengurusan (“M&M”), Transformasi GLC, menyelesaikan Penstrukturan & Penyusunan Semula (“R&R”) serta memacu usaha-usaha penyerantauan. Khazanah akan turut meneruskan program pelupusan aset dan pegangan tidak strategik, serta pelupusan strategik beberapa syarikat tertentu; di samping meneruskan pengurusan liabiliti secara berhemah dan inovatif.
- **Mewujudkan nilai strategik melalui aktiviti pemangkin:** Di samping pelbagai inisiatif pelaburan dan pelupusan pelaburan, tumpuan dari segi pelaksanaan akan terus diberikan kepada pelbagai kaedah pelaburan pemangkin. Ini termasuk pelaksanaan pelbagai Pelaburan Ekonomi Baru (“NEP”) dalam sektor berimpak tinggi, mempertingkatkan strategi pelaburan bersama dan kolaborasi seperti yang dilakukan pada 2010, serta meneruskan sokongan kepada Kerajaan, dalam pelbagai program transformasi nasional termasuk GTP, ETP dan MEB, serta pengenalan Talent Corporation.
- **Penginstitusian – dua pertiga perjalanan program rombakan Khazanah telah selesai dilaksanakan:** Khazanah akan meneruskan usahanya untuk membangunkan kemampuan sistem, kawalan, dan pengurusan risiko; usaha yang menjurus kepada pembangunan modal insan dan pengukuhan budaya korporat; serta inisiatif berkaitan membangunkan Khazanah sebagai sebuah organisasi berteraskan ilmu.

#### Tamat

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Asuki Abas di talian +603 2034 0000 atau melalui emel di [asuki.abas@khazanah.com.my](mailto:asuki.abas@khazanah.com.my)

---

<sup>4</sup> Laporan Tanggungjawab Korporat Khazanah bagi 2010 akan turut dilancarkan semasa KAR 2011



Lampiran

**2010: Tahun yang padat dengan peristiwa dan pencapaian**

